



Ruj Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

: KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (23)  
1 Jun 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MMC 26473)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN  
CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 21/2021 (23 Mei hingga 29 Mei 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 21/2021 dari 23 Mei hingga 29 Mei 2021)**

Pada minggu ke-21, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 45 kes (9.8%), menjadikan jumlah kes 503 berbanding 458 kes pada minggu sebelumnya. Satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-21. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 11,100 kes berbanding 45,088 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 75.4% (33,988 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak enam (6) kematian berbanding 82 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 76 kematian (92.7%) (**Lampiran A & C**). Sebanyak dua (2) lokaliti hotspot Denggi dilaporkan pada minggu ke-21 iaitu sama seperti yang dilaporkan pada minggu sebelumnya, dan kedua-duanya terletak di Negeri Selangor (**Lampiran B & D**).

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 14 kes pada minggu ke-21 yang mana enam (6) kes dari WPKL & Putrajaya, empat (4) kes dari Pulau Pinang, dua (2) kes dari Perak serta masing-masing satu (1) kes dari Kedah dan Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 544 (**Lampiran E**). Bagi surveyan Zika, sebanyak 632 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes perlu terus dilakukan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semua lapisan masyarakat hendaklah memeriksa kawasan di sekitar rumah bagi tempat yang


berpotensi membiak nyamuk Aedes serta mengeringkan dan menutup bekas-bekas tersebut. Buang barang-barang lusuh yang tidak diperlukan di persekitaran rumah serta letakkan bahan pembunuhan jentik-jentik pada struktur kekal seperti kolah dan pam tandas. Cuaca yang panas di pagi hari disebabkan oleh Fasa Monsun Barat Daya adalah sangat sesuai untuk pembiakan nyamuk Aedes.

Walaupun berada dalam tempoh PKP, individu yang mempunyai tandanya Demam Denggi dengan gejala demam, sakit kepala, sakit otot dan sakit badan diminta mendapatkan rawatan dengan segera dan jangan bertangguh. Tindakan awal dapat menyelamatkan nyawa dari bahaya maut. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**


  
**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


**3 Jun 2021**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 20 dan ke- 21 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 21 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-21 tahun 2021**

**Lampiran C**

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 21/2021**  
**(23 Mei hingga 29 Mei 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 21/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 21/2020	
		Minggu 21 (23 Mei – 29 Mei 2021)		Minggu 20 (16 Mei – 22 Mei 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	8	0	25	0
2	Kedah	14	0	11	0	176	0	386	0
3	P. Pinang	7	0	8	0	189	0	349	1
4	Perak	13	0	12	0	260	0	1,609	3
5	Selangor	302	0	257	0	6,308	1	26,186	28
6	WP KL & Putrajaya	62	0	44	0	1,219	1	4,313	5
7	N. Sembilan	8	0	17	0	280	1	1,138	4
8	Melaka	8	0	10	0	355	0	929	4
9	Johor	37	0	52	0	1,052	1	3,969	16
10	Pahang	10	0	8	0	236	1	1,157	4
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	141	0
12	Kelantan	0	0	2	0	98	0	1,621	4
13	Sarawak	6	0	9	0	197	0	993	2
14	Sabah	36	1	28	0	701	1	2,267	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>503</b>	<b>1</b>	<b>458</b>	<b>0</b>	<b>11,100</b>	<b>6</b>	<b>45,088</b>	<b>82</b>

**Lampiran D**

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 21/2021  
(23 Mei hingga 29 Mei 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	26	62
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	9	36

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 21/2021 (30 Mei 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	3	59
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	15	
		Tangkak	35	
2.	Kedah	Baling	4	87
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	55	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	12
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	5	
4.	Melaka	Alor Gajah	2	19
		Melaka Tengah	17	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	1	1
6.	Perak	Kinta	5	134
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	18	
		Manjung	95	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	21	32
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
8.	Selangor	Gombak	4	79
		Hulu Langat	22	
		Klang	50	
		Petaling	1	
		Sepang	2	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	25	121
		Kepong	75	
		Lembah Pantai	3	
		Titiwangsa	18	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>		<b>544</b>		

